



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

# PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning: Beyond Conventional*

## TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YBRS. TPR DR. ALIAS BIN RAMELI**  
**KETUA PENGARAH**  
**PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**

**SEMPENA**

**SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA**  
**TAHUN 2022**

**8 NOVEMBER 2022**  
**13 RABIULAKHIR 1444H**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَصَاحْبِيهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Terima kasih saudari Pengacara Majlis,

- SALUTASI -

***Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian.***

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah,... bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita telah diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama pada pagi ini bagi menyambut **Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS), Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2022.**
2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (**PLANMalaysia**) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** kerana sudi

meluangkan masa untuk menyempurnakan sambutan HPBS pada tahun ini. Kehadiran dan sokongan YBhg. Datuk KSU tentunya memberi semangat dan dorongan khususnya kepada semua warga perancang bandar dan pengurus-pengurus bandar yang hadir, baik yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam (di peringkat Persekutuan, Negeri dan PBT), juga rakan-rakan yang bertugas di badan berkanun, sektor swasta, badan profesional, institut pengajian tinggi dan sebagainya, di seluruh negara.

3. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Yang Berbahagia **Datin TPr Hajah Noraida binti Saludin, Presiden dan seluruh anggota Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP)** selaku urusetia bersama dengan PLANMalaysia (yang turut disokong oleh Lembaga Perancang Bandar Malaysia – LPBM) bagi menjayakan Sambutan HPBS Peringkat Kebangsaan pada hari ini.
4. Untuk makluman YBhg. Datuk dan hadirin sekalian, Sambutan pada tahun ini dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) bersempena dengan **sambutan 50 tahun penubuhan MIP. Kick-start** Sambutan HPBS 2022 juga telah dimulakan sejak semalam dengan penganjuran Program Persidangan

Perancangan Antarabangsa (**National Planning Congress 2022**) yang juga dianjurkan secara bersama oleh MIP dan PLANMalaysia.

5. Selamat datang dan ucapan terima kasih turut ditujukan juga kepada semua Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-wakil daripada Agensi dan Badan Berkanun serta dif-dif kehormat yang sudi hadir secara fizikal dan tidak lupa kepada yang sedang menonton melalui **FB Live PLANMalaysia**.
6. Tidak lupa juga kepada **mantan – mantan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah JPBD dan PLANMalaysia** yang hadir pada pagi ini untuk turut sama memeriahkan Majlis Sambutan HPBS 2022.

***Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian.***

## **LATAR BELAKANG SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2022**

7. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia atau dikenali sebagai HPBS adalah sambutan yang cukup istimewa bagi **semua pihak yang terlibat dalam proses perancangan dan pembangunan bandar**, khususnya perancang bandar

bagi memperingati peranan dan sumbangan mereka dalam melaksanakan agenda perancangan dan pembangunan bandar dan desa yang sistematik, inklusif dan **bermatlamatkan kepada pencapaian pembangunan mampan.**

8. Sambutan HPBS ini diadakan pada **8 November setiap tahun** dan ianya mula diperkenalkan sejak 56 tahun yang lalu. Untuk makluman, **Prof. Carlos Maria Della Paolera daripada Universiti Buenos Aires, Argentina merupakan individu yang memperkenalkan HPBS pada tahun 1949**, dan sejak itu, ia telah disambut di lebih 50 buah negara di seluruh dunia. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa atau PLANMalaysia telah menjadikannya sebagai acara tahunan semenjak tahun 1988. **Untuk tahun 2022 ini, kita merayakan HPBS Peringkat Kebangsaan untuk kali yang ke-35.**
9. Pada tahun ini, sambutan **di peringkat kebangsaan** dilaksanakan pada **7 hingga 8 November 2022** yang melibatkan dua (2) acara utama, iaitu:
  - (i) **Persidangan Perancangan Peringkat Kebangsaan** atau *National Planning Congress*; dan

**(ii) Majlis Perasmian Sambutan HPBS Tahun 2022**

(yang turut melibatkan **pameran** yang mempamerkan inisiatif-inisitif perancangan dan pembangunan bandar).

10. **National Planning Congress** pada 7 November (semalam) telah menghimpunkan semua pihak yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pembangunan bandar dan desa untuk **berdiskusi isu-isu dan cabaran perbandaran pada masa kini serta merangka hala tuju dan keperluan meneguhkan dan memodelkan semula (remodel) inisiatif sedia ada dan memperkenal agenda baharu perancangan pembangunan bandar di Malaysia ke arah tahun 2050.**
11. **Majlis Sambutan HPBS 2022** yang diadakan pada hari ini, iaitu 8 November 2022 bertepatan dengan sambutan HPBS di seluruh dunia pada hari yang sama. Untuk makluman juga, sambutan HPBS turut disambut di peringkat negeri di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

***Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian.***

## **JUSTIFIKASI TEMA SAMBUTAN HPBS 2022**

12. Tema sambutan HPBS pada tahun ini adalah “**Malaysia Berdaya Huni : Transformasi Bandar Masa Hadapan**” atau dalam Bahasa Inggeris, ***Liveable Malaysia: Transforming Our Cities for a Better Urban Future.***
13. Pemilihan tema ini adalah selaras dengan tema 11<sup>th</sup> World Urban Forum 11 (WUF11) yang telah berlangsung di Katowice, Poland pada bulan Jun yang lalu, sebagai komitmen Malaysia dalam melaksanakan **tindakan deklarasi WUF11**. Tema ini juga menyokong **Agenda MALAYSIA BERDAYA HUNI** atau ‘**LIVEABLE MALAYSIA**’ yang merupakan agenda besar negara yang telah diberi tanggungjawab kepada **KPKT** dan **PLANMalaysia**, dengan menggarapkan tiga (3) falsafah utama, iaitu untuk **merawat keresahan rakyat, membina keyakinan rakyat dan memenuhi ekspektasi rakyat**. Dalam merealisasikan tema serta harapan dan aspirasi rakyat kepada agenda Malaysia Berdaya Huni, sudah tentu persekitaran bandar, kawasan penempatan dan desa-desa perlu diperkemaskan dengan langkah dan tindakan-tindakan transformasi, baik dari segi **kaedah, model dan**

**mekanisme perancangan pembangunan**, bagi meningkatkan tahap daya huni dan kesejahteraan masyarakat.

14. Di peringkat PLANMalaysia, kami mengambil tanggungjawab dan amanah Kementerian bagi mencapai matlamat murni agenda Malaysia Berdaya Huni dengan menyediakan **kerangka Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM)** yang merupakan satu kaedah pengukuran berimpak tinggi bagi menilai tahap daya huni dan kesejahteraan sesebuah bandar.
15. iDAM akan menjadi penanda aras penting bagi **pelaksanaan transformasi bandar** di Malaysia ke arah melahirkan **sistem, caturan perencanaan guna tanah dan komponen bandar** (termasuk mobiliti dan infrastuktur) yang terurus, berkualiti (we need perfection in urban development setting, not the attitude of completion), berdaya tahan (resilience), pintar dan berorientasikan kehendak rakyat (people's needs), dan tentunya **keperluan memperkasa urus tadbir perancangan dan pengurusan bandar** (city management) secara lebih cekap, bersifat `micro development planning exercise' dan, dengan `planning and others city service delivery system' yang cekap, tuntas dan berkelas dunia.

16. Platform iDAM ini telah merungkai dan menggariskan **lima (5) aspirasi utama rakyat** (baik dalam konteks komuniti, maupun bandar) untuk dicapai, iaitu:
- (i) Pembangunan ekonomi yang berketerusan makmur dan bersifat kalis masa depan (future proof);
  - (ii) Peningkatan kualiti persekitaran, pemuliharaan alam sekitar dan jaminan keselamatan serta makanan (food security);
  - (iii) Pemerksaan keharmonian komuniti dan keluarga sejahtera;
  - (iv) Pembangunan guna tanah dan sumber alam yang terpulihara dan mampan; dan
  - (v) Urus tadbir bandar yang berkesan serta penyediaan infrastruktur, kemudahan awam dan komponen sokongan perbandaran yang inklusif.
17. **Pelaksanaan transformasi persekitaran bandar ke arah komuniti, bandar dan negara Malaysia yang berdaya Huni** perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. **Penggembelingan tenaga dan pengukuhan usaha sama dan kolaborasi yang perlu bersifat kepada pencapaian matlamat keberhasilan (outcome-based development planning)** adalah perlu dan sangat-sangat dinantikan oleh rakyat dalam mewujudkan kualiti

persekitaran penempatan komuniti dan bandar yang terancang, sejahtera, selamat dan mampan.

18. Untuk kita bergerak dan **menggapai kepada matlamat keberhasilan bandar** yang diimpikan, aturan langkah dan pelaksanaan perancangan (planning and development implementation) tentunya tidak boleh dilaksanakan secara ‘silo’ dan amalan kurang berintegrasi. **Matlamat Bandar Mampan dan Sejahtera (Sustainable Cities and Communities sebagaimana SDG No. 11)** memerlukan transformasi ‘mindset’, kaedah dan cara kerja serta tata-kelola perancangan dan pengurusan bandar di kalangan semua ‘custodian’ dan ‘stakeholder’ bandar, bukan sahaja kepada pihak berkuasa tempatan, namun juga kepada seluruh agensi awam, pihak pemaju, ‘urban industry and bussines players’ dan keterlibatan, kecaknaan dan perubahan kelakuan (**pe’el**) warga bandar itu sendiri.
  
19. ‘**The message here**’ adalah ‘partnership’ dan kolaboratif yang utuh (sebagaimana digariskan dalam SDG No. 17) adalah **‘pre-requisite’ and ‘key success factor’** kepada kejayaan dan pencapaian kepada Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals).

***Yang Berbahagia dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan,  
para hadirin sekalian.***

## **KEPENTINGAN PROFESION PERANCANG BANDAR**

20. Sedikit kupasan kepada peranan dan kepentingan **Profesion Perancang Bandar** di Malaysia yang telah pun mencapai 101 tahun perkhidmatan, yang wajarnya dan seharusnya telah matang. Para perancang bandar (yang dibantu secara erat oleh pengurus-pengurs bandar) mendokong sepenuhnya perencanaan dan pengarahan dasar (policy direction) pembangunan negara.
21. Jika kita mengimbas kembali sejarah Profesion Perancang Bandar di Malaysia, ia telah secara rasminya bermula pada 18 Januari 1921. Ketika itu, Charles Compton Reade dilantik sebagai “Penasihat Perancang Bandar” (Town Planning Advisor) bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Bermula daripada tarikh tersebut profesion perancang bandar telah berkembang dan menjadi profesion yang penting dalam menggerak dan memandu corak pembangunan spatial dan guna tanah negara.

22. Sehingga kini, dianggarkan kira-kira **669 orang perancang bandar** telah ditempatkan di sektor kerajaan sama ada di peringkat kerajaan persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.
23. Selain dari sektor kerajaan, penglibatan sektor swasta juga memainkan peranan yang signifikan dalam menyokong agenda pembangunan negara. Mengikut rekod, sebanyak **205 buah syarikat perunding perancang bandar** berdaftar di Malaysia, yang masing-masing mempunyai kepakaran tertentu dalam bidang perancangan bandar, wilayah dan desa.
24. Tidak lupa juga pakar-pakar akademik yang berkhidmat di IPTA yang sama-sama membantu melahirkan graduan perancang bandar. Adalah dianggarkan seramai **200 orang graduan perancang bandar dilahirkan setiap tahun melalui 6 buah IPTA tempatan (yang menawarkan jurusan perancangan bandar)** di seluruh negara.

***Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian.***

## **PENGHARGAAN BANDAR MAMPAN & ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU**

25. Dalam meneruskan komitmen kepada Agenda Kemampanan dan Daya Huni Bandar, PLANMalaysia (melalui nasihat dan panduan kerja oleh Kementerian), terus mengadakan dua (2) inisiatif utama iaitu **Penghargaan Bandar Mampan (yang merupakan KPI kepada YBhg. Datuk KSU) dan Anugerah Kejiranan Hijau (AKH)**. Di mana, kedua – dua anugerah ini boleh dijadikan pemangkin kepada transformasi bandar dan komuniti di Malaysia ke arah **matlamat Malaysia Berdaya Huni**.
26. Pada tahun ini, sebanyak **127 PBT telah menyertai program MURNInets**, iaitu 101 PBT di Semenanjung Malaysia, tiga (3) PBT Wilayah Persekutuan dan 26 PBT Negeri Sabah.
27. Dan daripada 127 PBT yang dinilai, **84 kawasan PBT (iaitu pada kadar 66%) berada di tahap bandar mampan** dan berjaya mencapai peratus tahap kemampanan melebihi 80 peratus.

28. Manakala **43 kawasan PBT** (iaitu 34%) mencapai status atau tahap **bandar sederhana mampan** dengan pencapaian markah tahap kemampanan antara 50 hingga 79 peratus. Berdasarkan rekod penilaian, tiada kawasan PBT yang berada dalam **status bandar tidak mampan**.
29. Untuk **Anugerah Kejiraninan Hijau** (AKH) pula, ia telah masuk ke tahun penganjuran yang ke-11 semenjak 2012, sebagai satu anugerah yang diberi kepada usaha individu, komuniti dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan **inisiatif kejiraninan hijau** yang juga merupakan parameter yang penting dalam agenda pembangunan mampan.
30. Sebentar lagi akan diumumkan keputusan penilaian kedua-dua penghargaan dan anugerah ini yang merangkumi tujuh **(7) kategori penghargaan bandar mampan** dan juga **tujuh (7) kategori anugerah kejiraninan hijau**.

***Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin sekalian.***

## **PENUTUP**

31. Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib** (Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) atas kesudian melapangkan masa bagi meraikan dan **merasmikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan** pada pagi ini.
32. Saya juga ingin merakamkan **ucapan ribuan terima kasih** kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis Sambutan HPBS pada tahun ini, khususnya kepada pihak **MIP, LPBM, MB Petaling Jaya, MB Subang Jaya, IPTA** dan NGOs. Semoga program seperti ini boleh dijadikan platform dan medium pertemuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara kita untuk bersama-sama merancang dan **mentrasformasi pembangunan bandar dan desa negara ini secara lebih baik demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.**

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

*Disediakan oleh:*

*Bahagian Korporat  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
5 Nov 2022  
\*Ditambah baik oleh AbR 05112022*